

GARIS PANDUAN SISTEM PENGURUSAN SISA PEPEJAL BAGI PEMBANGUNAN BARU

Kategori Pembangunan

Kuantiti anggaran penjanaan sisa pepejal sehari adalah bergantung kepada jenis kategori pembangunan yang dicadangkan.

BIL	KATEGORI PEMBANGUNAN	KUANTITI SISA BAKI SEHARI (m ³)
1.	Kediaman	0.025 m ³ / unit
2.	Pejabat, Kedai, Institusi	0.15 m ³ / 300 m ²
3.	Pasaraya, Gedung, Restoran	0.8 m ³ / 300 m ²
4.	Kilang	0.5 m ³ / 300 m ²
5.	Gerai Makan, Pasar	0.15 m ³ / unit
6.	Hospital	0.01 m ³ / katil
7.	Hotel, Asrama	0.01 m ³ / bilik
8.	Sekolah	0.003 m ³ / pelajar
9.	Stadium	0.0003 m ³ / tempat duduk

6.2.1 Contoh Pengiraan Penjanaan Sisa Pepejal



CONTOH PENGIRAAN BAGI PEMBANGUNAN PREMIS KEDIAMAN BERBILANG TINGKAT

CADANGAN PEMBANGUNAN DUA (2) BLOK KEDIAMAN PANGSAPURI YANG TERDIRI DARIPADA :-

- 1) MENARA A MEMPUNYAI 18 TINGKAT UNIT KEDIAMAN (120 UNIT)
- 2) MENARA B MEMPUNYAI 20 TINGKAT UNIT KEDIAMAN (130 UNIT)

DI ATAS LOT 12345, BUKIT JALIL, MUKIM PETALING, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR UNTUK TETUAN XYZ SDN BHD.

i. PENGIRAAN BAGI TEMPAT PEMUNGUTAN SISA PEPEJAL

Jenis Pembangunan	: Premis Kediaman Berbilang Tingkat
Frekuensi Kutipan	: 2 kali seminggu @ 3 hari sekali
Anggaran Kuantiti Sisa Pepejal	: 0.025 m ³ / unit
Jumlah Unit Rumah	: 250 unit
Pengiraan	: 250 unit x 0.025 m ³ / unit x 3 hari

Jumlah Janaan Sisa Pepejal = **18.75 m³**

Oleh itu, dicadangkan kaedah penstoran jenis spiral waste bin berkapasiti 19 m³ (jenis, rekabentuk dan kapasiti penstoran adalah berbeza mengikut pengeluaran).

Saiz Tempat Pemungutan Sisa Pepejal yang dicadangkan adalah 7650 mm (panjang) x 4150 mm (lebar) x 4800 mm (tinggi).

ii. PENGIRAAN BAGI KEBUK SAMPAH DAN TONG SISA PEPEJAL SETIAP TINGKAT

Jumlah unit bagi setiap tingkat	: 7 unit
Frekuensi Kutipan	: Setiap hari dan dikumpulkan di tempat pemungutan sisa.
Anggaran Kuantiti Sisa Pepejal	: 0.025 m ³ / unit
Pengiraan	: 7 unit x 0.025 m ³ / hari

Jumlah Janaan Sisa Pepejal = **0.175 @ 0.18 m³**

Kapasiti tong yang dicadangkan = **1 unit MGB 240 liter**

Saiz Kebuk Sampah yang dicadangkan adalah 915 mm (panjang) x 915 mm (lebar) x 2100 mm (tinggi).

CADANGAN PEMBANGUNAN SATU (1) BLOK KOMPLEKS PEJABAT, RUANG PERNIAGAAN DAN SERVICE SUITES YANG MENDUNGKI 48 TINGKAT DI ATAS PT 44(LOT 12, 13 & 14), SEKSYEN 89, MUKIM BANDAR KUALA LUMPUR, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR UNTUK TETUAN ABC SDN. BHD.

i. PENGIRAAN BAGI TEMPAT PEMUNGUTAN SISA PEPEJAL

Jenis Pembangunan	: Kompleks Pejabat dan Service Suites
Frekuensi Kutipan	: Setiap hari
Anggaran Kuantiti Sisa Pepejal Bagi Kompleks Pejabat dan Ruang Perniagaan	: $\frac{\text{Keluasan Lantai Premis} \times 0.15 \text{ m}^3}{300 \text{ m}^2}$ 300 m ²
Anggaran Kuantiti Sisa Pepejal Bagi Service Suites	: 0.025 m ³ / unit

Pengiraan:

$$\text{Ruang pejabat} : \frac{13013.9 \text{ m}^2 \times 0.15 \text{ m}^3}{300 \text{ m}^2} = 6.51 \text{ m}^3$$

$$\text{Ruang service suites} : 296 \text{ unit} \times 0.025 \text{ m}^3/\text{unit} = 7.4 \text{ m}^3$$

$$\text{Ruang perniagaan} : \frac{3701.16 \text{ m}^2 \times 0.15 \text{ m}^3}{300 \text{ m}^2} = 1.85 \text{ m}^3$$

$$\# \text{ Jumlah Janaan Sisa Pepejal} = 6.51 \text{ m}^3 + 7.4 \text{ m}^3 + 1.85 \text{ m}^3 = 15.76 \text{ m}^3$$

Oleh itu, dicadangkan kaedah penstoran jenis portable compactor berkapasiti 16 m³ (jenis, rekabentuk dan kapasiti penstoran adalah berbeza mengikut pengeluaran).

Saiz Tempat Pengumpulan Sisa Pepejal yang dicadangkan adalah 6896 mm (panjang) x 3500 mm (lebar) x 4500 mm (tinggi).

ii. PENGIRAAN BAGI KEBUK SAMPAH DAN TONG SISA PEPEJAL SETIAP TINGKAT

*Nota : Kebuk Sampah Setiap Tingkat Hanya Disediakan Bagi Service Suites Sahaja

Frekuensi Kutipan: Setiap hari dan dikumpulkan di tempat pemungutan sisa.

Anggaran Kuantiti Sisa Pepejal Bagi Service Suites: 0.025 m³/unit

Pengiraan :

Bilangan Service Suites / tingkat adalah sebanyak 8 unit Service Suites : 8 unit x 0.025 m³/unit

$$\# \text{ Jumlah Janaan Sisa Pepejal} = 0.20 \text{ m}^3$$

Kapasiti tong = 1 unit tong beroda mudah alih (MGB) 240 Liter yang dicadangkan

Saiz Kebuk Sampah yang dicadangkan adalah 915 mm (panjang) x 915 mm (lebar) x 2100 mm (tinggi).